

11/10/1998

Pemuda pameran sepanduk besar

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dijangka mempamerkan sepanduk berukuran 45 meter x 30 meter yang dipercayai terbesar di dunia pada majlis makan malam Pemuda BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 24 Oktober.

Pergerakan Pemuda BN, dalam satu kenyataan semalam, berkata Pemuda BN Selangor sedang dalam proses menyiapkan sepanduk itu yang mengandungi kata-kata sokongan kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kata-kata semangat cintakan negara.

Menurut kenyataan itu, Pemuda BN akan memohon daripada pihak berkenaan agar sepanduk itu dicatatkan dalam Guinness Book of World Records sebagai sepanduk terbesar di dunia.

Sempena majlis itu juga semua pernyataan cintakan negara yang dihantar kepada Pemuda BN menerusi kempen Sokongan kepada Malaysia akan dikumpul sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri.

Orang ramai masih boleh menghantar pernyataan itu sebelum 24 Oktober ini dengan menghantar surat atau telegram kepada sekretariat Kempen Sokongan Kepada Malaysia, Pejabat Pergerakan Pemuda Barisan Nasional, Aras 37, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 50480 Kuala Lumpur, atau faks 03-4442199 dan e-mel: umnoyouth@tm.net.my.

Majlis itu juga akan dihadiri oleh 100 anggota Pergerakan Pemuda Umno bahagian Baling yang akan berbasikal ke Kuala Lumpur sebagaimana yang dirancang pada Perhimpunan Perdana yang dibatal baru-baru ini.

Katanya, pembatalan Perhimpunan Perdana tidak mematahkan sedikitpun semangat Pemuda BN bagi menyuarakan sokongan kepada parti dan kerajaan.

Menurut kenyataan itu, rakyat Malaysia tidak boleh berpeluk tubuh melihat gelagat kelompok tertentu yang memburuk-burukkan kerajaan dan cuba menumbangkan kerajaan yang dipilih secara demokratik dengan cara yang tidak demokratik dan melampaui batasan undang-undang seperti berdemonstrasi dan merusuh.

"Sebagai rakyat Malaysia kita berhak dan bertanggungjawab mempertahankan kerajaan yang mendapat mandat majoriti pemilih dalam proses pilihan raya," katanya.

Selain itu, Pemuda BN menentang sebarang cubaan pihak asing sama ada kerajaan, pemimpin atau media yang mencampuri hal ehwal negara ini.

(END)